

Headline **Nigeria can jodoh mangsa HIV/Aids**  
Date **24. Mar 2009** Language **MALAY**  
Media Title **Sinar Harian** Page No **N22**  
Section **Global** Article Size **180** cm2  
Circulation **60000** Frequency **Daily**  
Readership **0** Color **Black/White**  
AdValue



### **Nigeria cari jodoh mangsa HIV/Aids**

**ABUJA** - Kerajaan Nigeria melalui agensi pencegahan HIV/Aids melancarkan program mencari jodoh mangsa serangan virus bahaya itu.

Melalui sebuah projek khas, agensi pencegahan HIV/Aids di Nigeria berharap dapat mengurangkan situasi penyebaran penyakit itu.

"Kami mula memikirkan tentang strategi mencari jodoh ini selepas menyedari HIV juga boleh merebak melalui perkahwinan," kata ketua projek itu, Rilwanu Mohammed.

Setakat ini program berkenaan berjaya menyatukan 100 pasangan yang disahkan HIV positif.